

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
(SHAH ALAM)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 12.06.2014

Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan sama ada 1MDB menerbitkan bon
RM5 bilion dengan jaminan daripada Kerajaan Pusat atau 'Government-
Guaranteed Bond'.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1MDB mempunyai pinjaman sebanyak RM5.8 bilion yang menerima
jaminan eksplisit Kerajaan Malaysia. Selain daripada itu, 1MDB tidak

menerima jaminan dari Kerajaan bagi bon-bon atau pinjaman-pinjaman yang lain.

Jaminan Kerajaan kepada pinjaman berjumlah RM5.8 billion tersebut terdiri daripada jaminan yang diberi kepada bon-bon IMTN 30 tahun berjumlah RM5 billion dan pinjaman 1MDB berjumlah RM800 juta.